

Perdana Menteri lawat Rusia, Jerman, Poland mulai 14 Mac

UM 11 MAR 2002

KUALA LUMPUR 10 Mac — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi ke Rusia, Jerman dan Poland dari 14 hingga 22 Mac ini.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra, Dr. Mahathir akan diiringi isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, tiga menteri kabinet, tiga ketua menteri, enam anggota Parlimen, pegawai kanan kerajaan dan wakil sektor swasta.

Dr. Mahathir akan memulakan lawatan tiga hari ke Rusia mulai 14 Mac, diikuti ke Jerman dari 18 hingga 20 Mac dan Poland selama dua hari mulai 21 Mac.

Lawatan ke Rusia itu dijadualkan pada September tahun lepas, tetapi ditangguhkan berikutan serangan ke atas New York dan Washington pada 11 September.

Di Moscow, Dr. Mahathir dijadual menemui Presiden Vladimir Putin dan menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan Malaysia-Rusia anjuran bersama Institut Kepimpinan Strategi Asia (Asli), Tabung Kerjasama Rusia-ASEAN dan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Dr. Mahathir juga dijadual melawat Pusat Bioteknologi Rusia, Pusat Kaji Cuaca dan menyaksikan pesawat pejuang Rusia, Sukhoi SU-30.

Kenyataan itu menyebut bahawa pertemuan antara Dr. Mahathir dan Putin akan menyentuh mengenai isu-isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Dalam konteks hubungan Malaysia-Rusia yang sedia ada, ia merupakan peluang untuk Malaysia menekankan perlunya kedua-dua pihak memperluaskan bidang kerjasama daripada berpusat kepada pertahanan, kepada kerjasama yang lebih seimbang dan pelbagai.

Ia boleh meliputi bidang penting lain seperti perdagangan, sains dan teknologi, teknologi maklumat (IT), seni dan budaya serta pelancongan dan pendidikan.

"Lawatan ke Rusia boleh digunakan untuk meningkatkan kerjasama politik, ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Lawatan itu akan membolehkan Perdana Menteri sendiri membuat tanggapan mengenai Rusia yang baru dan dinamik selepas era komunis," kata Wisma Putra.

Ia adalah lawatan kedua Dr. Mahathir ke Rusia, yang pertama adalah ke wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999. Dr. Mahathir, bagaimanapun telah melawat Rusia pada 1987 semasa ia merupakan Kesatuan Republik Sosialis Soviet (USSR).

Dr. Mahathir dan Putin bertemu pada acara sampingan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Brunei Darussalam pada 2000 dan di Shanghai, tahun lepas.

Kenyataan itu berkata, Rusia menganggap mesyuarat itu sebagai peringkat penting hubungannya dengan Malaysia, dan keupayaan kedua-dua pemimpin untuk membincangkan isu-isu kepentingan bersama yang dicapai dalam perhubungan yang stabil antara kedua-dua negara.

Lawatan ke Jerman pula merupakan lawatan rasmi pertama Dr. Mahathir ke negara itu. Beliau telah membuat beberapa lawatan ke Jerman — lawatan tidak rasmi pada 1977 dan lawatan kerja pada 1988 dan 1998.

Dr. Mahathir akan melawat dua bandar raya — ibu negara Jerman, Berlin dan Munich, ibu negeri Bavaria.

Penting

Kenyataan itu menyebut bahawa Munich dipilih kerana ia merupakan kawasan perindustrian berteknologi tinggi penting di Jerman dan kekuatan Bavaria dalam menarik perusahaan kecil dan sederhana dalam industri baru, multimedia dan syarikat-syarikat perkhidmatan.

Pertemuan antara Dr. Mahathir dengan Canselor Jerman, Gerhard Schroder dijangka menyentuh mengenai isu-isu kepentingan bersama hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri akan melihat sendiri teknologi yang digunakan dalam bidang bioteknologi, IT dan industri pengangkutan.

Lawatan itu juga akan memberi peluang untuk Malaysia mengetengahkan tarikan bagi pelabur dan pelancong.

"Dr. Mahathir akan bertemu ketua-ketua industri Jerman di Munich dan Berlin, dan ini akan membantu mengatasi keraguan dan salah maklumat yang mereka ada ter-

hadap Malaysia," menurut kenyataan itu.

Lawatan itu antara lain boleh digunakan untuk menggalakkan anggota sektor swasta menjalin hubungan dengan rakan mereka, mempromosikan produk dan perkhidmatan Malaysia, dan kemungkinan mewujudkan kerjasama yang lebih luas dalam bidang pendidikan.

Jerman kini sudah mengatasi United Kingdom yang menjadi rakan dagang terbesar Malaysia dalam Kesatuan Eropah pada 2000 dan 2001.

Sementara itu, lawatan Dr. Mahathir ke Poland pula, yang pertama sejak menjadi Perdana Menteri, bertujuan menunjukkan minat Malaysia untuk meningkatkan lagi hubungan mesra yang dinikmati kedua-dua negara.

Kenyataan itu berkata, lawatan itu akan membolehkan Dr. Mahathir mengadakan perbincangan bermakna yang boleh membantu meningkatkan dialog politik antara kedua-dua negara serta bertindak sebagai dorongan ke arah pembangunan kerjasama dua hala.

Dr. Mahathir dijangka bertemu dan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Leszek Miller dan menemui Presiden Aleksander Kwasniewski.

Selain membincangkan isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa, pertemuan antara kedua-dua perdana menteri itu akan menyediakan peluang kepada kedua-dua negara untuk meluaskan skop kerjasama bagi meliputi tidak sahaja bidang ekonomi dan perdagangan, malah sektor pelancongan, IT, seni dan budaya.

Kenyataan itu menyebut bahawa Dr. Mahathir juga dijadual menyaksikan peralatan pertahanan di Warsaw dan demonstrasi armada tentera laut di Gdansk yang termasuk pertunjukan kapal penyelamat, kapal pemusnah penyapu peruk api dan helikopter penyelamat marin.

Kenyataan itu menyebut bahawa hasrat Dr. Mahathir untuk melawat Poland pada September 1999 ditangguhkan berikutan pilihan raya umum Malaysia ketika itu. — Bernama